

AI-KAFI #1447: BOLEHKAH BERKAHWIN SEMULA JIKA DICERAIKAN DENGAN CARA FASAKH



SOALAN

Assalamualaikum...Adik perempuan saya telah diceraikan sebanyak dua kali. Kali pertama beliau telah dirujuk begitu juga pada ceraian yang kedua juga telah dirujuk. Soalan saya, Pertama, jika adik saya meminta fasakh, adakah ia termasuk dalam talak yang ketiga, tidak boleh rujuk kembali, melainkan dengan kaedah cina buta. Kedua, bagaimana pula dengan iddah. Adakah iddah itu bermula pada waktu isteri diceraikan ataupun bermula selepas mengfailkan dokumen di mahkamah? contoh, iddah 3 kali suci telah habis dan pada masa tu, baru dia failkan. Adakah mahkamah ada mulakan tarikh iddah yg baru untuknya? Saya mohon penjelasan tuan jika tidak keberatan. Terima kasih.

JAWAPAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur diucapkan kepada Allah SWT, selawat dan salam kami

panjatkan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, kepada ahli keluarga Baginda, para sahabat, serta golongan yang mengikuti jejak langkah Baginda Rasulullah SAW sehingga hari kiamat.

Firman Allah SWT:

?????????? ??????????? ??????????? ??????????? ????? ???????????
??????????????

Maksudnya: Talak (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua kali. Sesudah itu bolehlah ia (rujuk dan) memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan (menceraikannya) dengan cara yang baik.

(Al-Baqarah: 229)

Talak merupakan perkataan yang berasal daripada Bahasa Arab yang menjelaskan makna melepaskan atau membuka ikatan. Talak menurut syara' pula membawa maksud melepaskan ikatan perkahwinan dengan perkataan yang jelas atau kinayah (sindiran).

Secara umum, bersandarkan kepada persoalan yang diajukan, terdapat dua talak yang terlibat di dalam situasi ini. Talak tersebut adalah talak *Raji* dan talak *Ba'in*.

Talak *raji* bermaksud talak yang boleh dirujuk kembali tanpa akad atau pernikahan baru selepas diceraikan oleh suami dengan syarat isterinya itu masih berada dalam tempoh iddah. Namun begitu, talak *raji* hanyasanya dikira jika ia merupakan talak yang pertama atau talak yang kedua sahaja yang tidak tamat daripada tempoh iddah.

Talak *ba'in* dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu talak *ba'in sughra* dan talak *ba'in kubra*.

Talak *ba'in sughra* ialah talak yang tidak boleh diruju'. Jika sekiranya suami ingin kembali bersama isteri maka suami perlu menikahinya dengan akad yang baru. Contoh bagi talak *bain sughra* ini adalah talak satu atau dua yang telah habis tempoh iddah, talak *khuluk*, talak isteri yang belum disetubuhi dan talak yang *difasakhkan*.

Talak *bain kubra* merupakan talak yang dijatuhkan oleh suami ke atas isterinya yang tidak boleh lagi dirujuk kembali samada semasa iddah atau selepas iddah. Contoh bagi talak *bain kubra* adalah talak tiga dengan sekali lafaz atau berlaku tiga kali talak secara berasingan. Namun begitu, halal bagi bekas suami menikahi bekas isteri jika sekiranya telah melalui beberapa prosedur tersebut:

1. Iddah bersama bekas suami yang menceraikan isterinya telah tamat.
2. Selepas selesai iddah, bekas isteri perlu berkahwin bersama lelaki lain dengan akad yang

sah.

3. Bekas isteri melakukan hubungan intim bersama suami barunya dengan persetujuan yang sebenar.
4. Bercerai bersama suami baru.
5. Iddahnya dengan suami baru telah selesai.

Maka selepas daripada itu, bekas suaminya boleh bernikah semula dengan akad yang baru bersama bekas isterinya. Ini adalah sebagaimana yang difirmankan oleh Allah SWT di dalam Al-Quran:

????? ????????????? ?????? ?????????? ?????? ??? ?????????? ?????????? ?????????? ??????????
 ??????????? ? ?????? ????????????????? ?????? ?????????? ?????????????????? ??? ??????????????????
 ??? ?????????? ??? ?????????????? ?????????? ?????????????? ? ?????????????? ?????????? ??????????????
 ?????????????????? ?????????????? ??????????????????

Maksudnya: Sesudah (diceraikan dua kali) itu, jika diceraikan pula (bagi kali yang ketiga) maka perempuan itu tidak halal lagi baginya sesudah itu, sehingga ia berkahwin dengan suami yang lain. Setelah itu kalau ia diceraikan (oleh suami baharu itu dan habis idahnya), maka mereka berdua (suami lama dan bekas isterinya) tidaklah berdosa untuk kembali (maskahwin semula), jika mereka kuat menyangka akan dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah SWT dan itulah aturan-aturan hukum Allah SWT, diterangkannya kepada kaum yang (mahu) mengetahui dan memahaminya.

(Al-Baqarah, 230)

Bagaimanapun, ada yang menyatakan bahawa kaedah ini adalah sama sepertimana terkenal dikalangan masyarakat Malaysia dengan nama Cina Buta. Sebenarnya, ia sekali tidak sama seperti kaedah Cina Buta, kerana Pernikahan Cina Buta atau nikah *Muhallil* adalah pernikahan yang telah dirancang dan bersyarat hanya untuk mencapai tujuan bagi menghalalkan perkahwinan bersama bekas suami. Maka ini adalah tidak benar sepertimana yang difirmankan oleh Allah SWT. Cara tersebut adalah haram di sisi Islam dan dilaknati Allah SWT.

Merujuk kepada persoalan pertama yang ditanyakan, Adik perempuan kepada yang bertanya telah diceraikan sebanyak dua kali. Ceraian pertama beliau telah diruju' begitu juga pada ceraian yang kedua juga telah diruju'. Kemudian adiknya telah meminta fasakh, adakah ia termasuk dalam talak yang ketiga dan tidak boleh diruju' kembali.

Fasakh yang dibuat oleh adiknya bukan dikategori sebagai talak yang ketiga. Fasakh merupakan pembubaran perkahwinan melalui kuasa yang diberikan kepada Hakim. Walaupun hak untuk memohon fasakh terpakai kepada kedua-dua suami dan isteri, namun secara amalannya hak fasakh diberikan kepada isteri memandangkan suami mempunyai hak untuk melafazkan talak. Perceraian secara fasakh boleh berlaku apabila hakim memutuskan untuk memfasakhkan

perkahwinan tersebut dengan alasan yang boleh memudaratkan pihak-pihak dalam perkahwinan tersebut dan ia tidak dapat diselamatkan lagi.

Begitu juga fasakh merupakan cerai yang berada dibawah talak *bain sughra*. Selepas fasakh mereka tidak boleh meruju' semula dengan syarat perlu melalui pernikahan dengan akad yang baru.

Akan tetapi, perlu di ingatkan bahawa, melalui kes ini, 2 talak yang telah dibuat oleh suami tidak akan gugur walaupun telah menjalani akad dan pernikahan yang baru. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Irsyad al-Fatwa, siri 320 (<https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/3716-irsyad-al-fatwa-siri-ke-320-bilangan-talak-selepas-perkahwinan-semula-dengan-suami-pertama>).

Persoalan kedua, bagaimana pula dengan iddah. Adakah iddah itu bermula pada waktu isteri diceraikan ataupun bermula selepas mengfailkan dokumen di mahkamah?

Iddah akan bermula selepas si isteri diceraikan oleh suaminya. Mengikut prosedur operasi standard mahkamah syariah, mengfailkan dokumen bukan bermakna permulaan bagi iddah untuk si isteri.

WallahuA'lam.

Source: AI-KAFILI AL-FATAWI